

Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Cerita Animasi 6 – Gagak dengan Kenari

Tajuk Cerita	Gagak dengan Kenari
Jangka Masa	1-2 Waktu
Fokus Interaksi Lisan	Berbual dan berbincang
Aspek Bahasa	Kata Adjektif, Ayat Tunggal

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu menonton cerita animasi 'Gagak dengan Kenari' Berbual tentang cerita yang ditonton berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru erbingang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru secara kumpulan main peranan berdasarkan skrip cerita 'Gagak dengan Kenari'. melengkapkan ayat dalam lampiran tugas yang disediakan melengkapkan alat penilaian <p>Aktiviti Lanjutan</p> <p>Guru boleh menjalankan aktiviti 'Menulis Poskad'. Murid diminta menulis poskad kepada watak kegemaran dan bertanyakan perkara yang menjadi keprihatinan mereka.</p>	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Dalam aktiviti main peranan, guru menegaskan penggunaan Kata Adjektif dalam dialog yang dilakonkan. <p>Soalan Saranan (permulaan)</p> <ol style="list-style-type: none"> Pernah kamu membaca cerita tentang binatang? Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut Apakah yang menarik tentang watak haiwan yang kamu baca itu? <p>Soalan Saranan tentang Cerita 'Gagak dengan Kenari'</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah sikap buruk yang dimiliki oleh burung-burung gagak? Apakah pandangan kamu mengenai sikap Gagak? Apakah yang berlaku kepada pokok tempat tinggal Gagak? Apakah pandangan kamu mengenai sikap Kenari? Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Gagak dengan Kenari'? <ul style="list-style-type: none"> Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas. <p>Bahan</p> <p>Lampiran Tugas Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

LAMPIRAN TUGASAN

Cerita Animasi 6: Gagak dengan Kenari

Arahan: Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai daripada senarai perkataan yang disediakan.

1. Pada zaman dahulu, ada sekumpulan burung gagak tinggal di sebuah pokok yang <input type="text"/> .	<input type="button" value="lebat"/>
2. Tiba-tiba hujan turun dengan <input type="text"/> .	<input type="button" value="basah"/>
3. Sayap Kenari <input type="text"/> ditimpa hujan.	<input type="button" value="besar"/>
4. Gagak <input type="text"/> kerana Kenari berteduh di pokok mereka tinggal.	<input type="button" value="baik"/>
5. Angin bertiup <input type="text"/> dan pokok tempat tinggal Gagak tumbang.	<input type="button" value="takut"/>
6. Gagak <input type="text"/> dimarahi Kenari kerana menghalaunya.	<input type="button" value="kencang"/>
7. Kenari menolong Gagak kerana Kenari <input type="text"/> hati.	<input type="button" value="marah"/>



ALAT PENILAIAN

Cerita Animasi 6: Gagak dengan Kenari

Senarai Semak - Penilaian Guru (Perbincangan)

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

No	Perkara	Tandakan [✓]	
		Ya 	Tidak 
1	Murid menyumbangkan idea dalam perbincangan.		
2	Murid menerima sumbangan idea rakan.		
3	Murid menghormati pendapat rakan.		
4	Murid memandang rakan semasa berbual.		
5	Murid mendengar secara aktif semasa rakan bertutur.		
6	Murid bertutur mengikut giliran.		
7	Murid bersetuju / tidak bersetuju dengan pendapat rakan.		
8	Murid menggunakan sebutan baku.		

Catatan Guru:



Cerita Animasi 6: Gagak dengan Kenari

Senarai Semak - Penilaian Kendiri Perbincangan

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan [√]




No	Perkara	Tandakan [√]	
		Ya 	Tidak 
1	Saya menyumbangkan idea dalam perbincangan.		
2	Saya menerima sumbangan idea rakan.		
3	Saya menghormati pendapat rakan.		
4	Saya memandang rakan semasa berbual.		
5	Saya bertutur mengikut giliran.		
6	Saya menggunakan sebutan baku.		

Cerita Animasi 6: Gagak dengan Kenari
Penilaian Guru - Membaca

Nama murid: _____ ()

Tarikh: _____ Kelas: _____

Tandakan [√]




No	Saya dapat ...			
1.	membaca dengan lancar.			
2.	menyebut perkataan dengan betul.			
3.	menggunakan intonasi yang betul.			
4.	menggunakan sebutan baku.			

Penilaian Guru - Membaca/Bercerita

Nama: _____ ()

Tarikh: _____ Kelas: _____

Tandakan [√]

No	Semasa membaca, murid dapat ...			
1.	membaca dengan lancar.			
2.	menyebut perkataan dengan betul.			
3.	menggunakan intonasi yang betul.			
4.	menggunakan sebutan baku.			

Catatan Guru:

CERITA ANIMASI 6: GAGAK DENGAN KENARI

Tajuk	Gagak dengan Kenari
Peringkat	P2B
Sinopsis	Kisah burung gagak yang suka bergaduh sesama sendiri. Pada suatu hari, terbang seekor burung kenari lalu di kawasan tempat tinggal Gagak. Hujan turun tiba-tiba. Kenari tumpang berteduh di pokok tempat tinggal Gagak. Gagak marah dan menghalau Kenari. Kenari terbang dan berteduh di pokok yang lain. Angin kencang meniup dan pokok tempat tinggal Gagak bergoyang. Akhirnya Gagak tumpang berteduh di pokok tempat Kenari berteduh.
Watak	Gagak, Kenari dan Pencerita
Nilai	hormat-menghormati, hidup bermasyarakat dan berbudi bahasa

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Pada zaman dahulu, ada sekumpulan gagak. Gagak-gagak itu tinggal di sebatang pokok yang besar. Burung Gagak suka bergaduh sesama sendiri. Oleh sebab itu, burung-burung lain tidak mahu berkawan dengan burung Gagak.
2	Pencerita	Pada suatu petang, burung Kenari terbang berdekatan dengan tempat tinggal Gagak. Tiba-tiba hujan turun dengan lebatnya.
3	Pencerita	Burung Kenari ditimpa hujan. Sayap burung Kenari basah. Burung Kenari pun mencari tempat untuk berteduh. Burung Kenari terbang ke arah pokok tempat tinggal Gagak.
4	Gagak	Eh, Kenari! Apa engkau buat di pokok ini? Pokok ini rumah kami, Engkau tidak boleh tinggal di sini!
5	Kenari	Wahai Gagak, benarkanlah aku berteduh sebentar di sini. Di luar, hujan lebat.
6	Pencerita	Burung Gagak sangat marah. Mereka tidak suka burung Kenari berteduh di rumah mereka. Burung Gagak menyuruh burung Kenari meninggalkan pokok tempat tinggal mereka.
7	Kenari	Benarkanlah aku berteduh sebentar. Tolonglah aku, Gagak.
8	Pencerita	Burung Kenari merayu agar dibenarkan tinggal di atas pokok itu, Namun Gagak terus tidak membenarkannya.

No	Watak	Dialog
9	Pencerita	Burung Kenari terpaksa pergi. Burung Kenari terbang ke sebuah pokok yang berhampiran. Burung Kenari berteduh di pokok itu.
10	Pencerita	Hujan bertambah lebat. Angin bertiup kencang. Pokok tempat tinggal Gagak bergoyang ditiup angin. Burung-burung Gagak ketakutan. Mereka takut pokok tempat tinggal mereka tumbang.
11	Gagak	Kita mesti tinggalkan pokok ini. Jika tidak, pokok ini akan tumbang! Ke mana kita boleh pergi? Jika kita terbang ke pokok itu, burung Kenari akan marah. Burung Kenari akan menghalau kita.
12	Pencerita	Burung Gagak berasa takut dan malu. Mereka menyesal kerana bersikap kasar terhadap Kenari. Mujurlah burung Kenari baik hati. Burung Kenari kasihan melihat Gagak. Pokok tempat tinggal Gagak hampir tumbang ditiup angin.
13	Kenari	Gagak! Gagak! Marilah ke mari. Cepat terbang ke mari! Pokok itu akan tumbang! Cepat!
14	Pencerita	Mendengar pelawaan burung Kenari, burung-burung Gagak pun terbang ke arah pokok tempat Kenari berteduh.
15	Gagak	Terima kasih Kenari kerana membenarkan kami berteduh di sini. Walaupun kami menghalau awak tadi, awak masih mahu menolong kami.
16	Kenari	Tidak mengapa. Kita harus tolong-menolong antara satu dengan lain.
17	Gagak	Awak sungguh baik hati. Terima kasih Kenari. Boleh kita menjadi kawan awak?
18	Kenari	Boleh, boleh, tentu boleh.
19	Pencerita	Sejak hari itu, burung Kenari dan Gagak menjadi kawan baik. Mereka saling menghormati dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Begitulah kesudahan cerita Gagak dengan Kenari. Jika kita baik hati dan saling bantu-membantu, kita akan hidup aman dan damai dengan orang lain.